



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

20 DISEMBER 2021 (ISNIN)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

20 DISEMBER 2021 (ISNIN)

Penularan COVID-19

Jejak pihak jual, edar kit ujian kendiri tiada kelulusan

Lambakan produk dikhuatiri tingkat jangkitan berikut keputusan ujian diragui

Gleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Pihak Berkusa Peranti Perubatan (MDA) sedang menjalankan siasatan bagi menjelaki pihak yang terbabit menjual dan mengedarkan kit ujian kendiri COVID-19 yang tidak mendapat kelulusan badan berkaitan.

+ Ketua Eksekutif MDA, Ahmad Shariff Hambali, berkata berdasarkan pemantauan yang dijalankan, terdapat beberapa kit ujian kendiri yang tidak mendapat kelulusan, disyaki dibawa masuk secara tidak sah ke pasaran Malaysia.

Berdasarkan pemantauan dijalankan, terdapat beberapa kit ujian kendiri yang tidak mendapat kelulusan, disyaki dibawa masuk secara tidak sah ke pasaran Malaysia

Ahmad Shariff Hambali,
Ketua Eksekutif MDA



Awas kit ujian kendiri COVID-19 tak lulus KKM

Keratan akhbar BH kelmarin.

Berikut itu, katanya, bagi meningkatkan keberkesanan kawalan kit ujian kendiri COVID-19, MDA turut menjalin kerjasama dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bagi urusan pemantauan dan penguatkuasaan pengimporan, pengedaran dan penjualan produk terbabit.

Beliau berkata, sehingga 14 Disember lalu, MDA sudah menjalankan 132 pemeriksaan ke atas premis yang mengedarkan dan menjual kit ujian kendiri COVID-19 dan daripada jumlah itu, 92 amaran diberikan kepada pihak yang melanggar undang-undang meng-

kut Seksyen 5 atau 15 Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 737).

"Melalui pemeriksaan itu, 326 unit kit ujian kendiri COVID-19 dirampas. MDA juga menjalankan tiga serbuan ke atas syarikat yang mengimport dan memasarkan kit ujian kendiri COVID-19 yang tiada kelulusan serta merampas 63,651 unit kit ujian berkenaan."

"Mengikut peruntukan Akta 737, mereka yang didapati ber salah boleh didenda tidak melebihi RM200,000 atau dihukum penjara tidak melebihi tiga tahun atau keduanya," katanya.

Sabtu lalu, BH melaporkan beberapa jenama kit ujian kendiri COVID-19 yang tidak mendapat kelulusan MDA dijual secara berleluasa di kedai serbaneka dan platform e-dagang.

Lambakan produk tanpa kelulusan itu dihukum boleh menyebabkan peningkatan penularan COVID-19 berikutan keputusan ujian yang diragui.

Hasil ujian yang dijalankan terhadap kit berharga RM4.90 itu yang menggunakan air paip mendapat keputusan yang negatif, walaupun sepatutnya keputusan yang akan diterima adalah tidak sah atau *invalid*.

Ahmad Shariff berkata, syarikat yang mendapat kelulusan untuk memasarkan kit ujian COVID-19 perlu memenuhi keperluan pelabelan dan keperluan pasca pasaran, termasuk pengendalian aduan, penyimpanan dan penyelenggaraan rekod pengedaran.

"Mereka juga bertanggungjawab mengambil tindakan pembenaran dan pencegahan, termasuk membuat panggilan balik (*recall*) ke atas kit ujian yang bermasalah di pasaran," katanya.

TERKINI COVID-19

19 Disember 2021

KES BAHRU

3,108

KES POSITIF

2,718,955

KES SEMBUH

3,701

KES TEMPATAN

3,071

ECONSAVE

BERBANTUAN HARGA RAKYAT DI BAWAH

Bandingkan Harga Kami!

✓ Harga Terendah Setiap Hari!

✓ Kaw-kaw Jimat!

KES IMPORT

37

KES YANG MEMERLUKAN RAWATAN ICU

390

KES MEMERLUKAN BANTUAN PERNAFASAN

211

JUMLAH KLUSTER BAHRU

2

JUMLAH KLUSTER AKTIF

252



Antara kit ujian saringan kendiri yang dibawa secara seludup dari negara luar tanpa kelulusan MDA.

(Foto ihsan MDA)

suk membuat panggilan balik (*recall*) ke atas kit ujian yang bermasalah di pasaran," katanya meminta orang ramai menyalurkan aduan mengenai aktiviti im-

port, edar dan penjualan kit ujian kendiri COVID-19 yang tidak sah melalui sistem pengurusan maklum balas di laman web <https://femes.mda.gov.my>.

Peniaga diberi amaran jangan sorok bekalan keperluan

PUTRAJAYA — Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi amaran kepada semua peniaga agar tidak menyorokkan barang asas bagi memastikan keperluan pengguna di kawasan terjejas banjir mencukupi dan mudah diperolehi.

Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP, Azman Adam menegaskan, peniaga yang didapati melakukan aktiviti menyorok bekalan keperluan akan dikenakan tindakan tegas di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Selain itu, peringatan kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau pihak yang ingin menghulurkan bantuan kepada mangsa banjir agar mendapatkan bekalan melalui pemborong di lokality tertentu dan bukannya premis di peringkat runcit bagi mengelakkkan bekalan terjejas.

"Pengguna juga perlu memaklumkan kepada pihak KPDNHEP sekiranya menghadapi kesu-

karan dalam memperoleh bekalan keperluan," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, pemantauan ke atas kedudukan bekalan keperluan di seluruh negara ditingkatkan melalui pemeriksaan ke atas pengilang terpilih daerah (DDM), pemborong terpilih daerah (DDW) dan peruncit terpilih daerah (DDR) yang telah dilantik di seluruh negara selain di premis-premis lain.

"Anggota penguat kuasa KPDNHEP di seluruh negara akan

sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan berkaitan bagi memastikan bekalan keperluan asas mencukupi dan mudah diperolehi di kawasan terjejas. "Pusat Arahan Penguatkuasaan (ECC) KPDNHEP di seluruh negara telah diaktifkan serta-merta dalam memastikan laporan berhubung kekurangan bekalan keperluan asas di kawasan terjejas banjir dapat diatasi segera selain kesiapsiagaan anggota penguat kuasa KPDNHEP

untuk sentiasa berada di lapan-gan bagi menghadapi sebarang kemungkinan," jelasnya.

Sehubungan itu, Azman berkata, orang ramai yang mempunyai sebarang aduan atau maklumat boleh melaporkan kepada pihak KPDNHEP melalui saluran aduan WhatsApp **019-279 4317**, portal e-aduan.kpdnhep.talian pusat **1-800-886-800**, e-mel e-aduan@kpdnhep.gov.my, Ez ADU KPDNHEP atau ECC 03-8882 6088/6245.

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI : ISNIN
TARIKH : 20/12/2021
M/SURAT : 16

	Ayam RM7.99	Telur Gred A RM12.30	Gula Pasir RM2.85	Cili Merah RM13
Senarai Harga Barang Keperluan	Daging Lembu Tempatan RM35	Ikan Kembung RM7.99	Bawang Besar Holland RM2.49	Kubis Bulat Tempatan RM2.79
	Daging Lembu Import RM15.50	Minyak Masak RM6.70	Bawang Putih RM5.49	Tepung Gandum RM2.20
				*Harga (RM/kg) Sumber: KPONHEP